From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 11 August, 2022 10:03:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SULAM STHEM PERKASA AMALAN ACARA HIJAU DALAM KAMPUS

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 OGOS 2022 / 13 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Aida Rasyidah Ahmad Muaen
Gambar oleh: STHEM

SULAM STHEM PERKASA AMALAN ACARA HIJAU DALAM KAMPUS



UUM ONLINE: Seramai 23 pelajar kursus GHZT 4123 Contemporary Issues in Event Management (Semester A212) dari Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) telah membantu lima jabatan di Universiti Utara Malaysia (UUM) mengeluarkan garis panduan acara hijau bagi jabatan masing-masing menerusi program Service Learning Malaysia-University For Society (SULAM) yang bertemakan Latihan Acara Hijau.

Lima jabatan tersebut ialah Pusat Sukan, Pusat Budaya dan Seni, Pusat Kokurikulum, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan juga EDC-UUM yang mana setiap Jabatan berkenaan dibahagikan dalam kumpulan dengan bimbingan pelajar bertindak sebagai fasilitator.

Pensyarah, Dr. Asmahany Ramely berkata, penugasan pelajar sebagai fasilitator ini amat bertepatan dengan prinsip program SULAM yang mana pelajar harus berkongsi ilmu yang dipelajari di dalam kelas dengan komuniti terpilih.

Dalam konteks ini, menurutnya, pelajar akan berkongsi pengetahuan tentang acara hijau, seterusnya membantu menyelesaikan persoalan tentang bagaimana kaedah untuk menganjurkan acara yang mesra alam dalam kalangan jabatan terpilih.

“Program SULAM yang dijalankan oleh STHEM pada kali ini bukan sahaja mampu membantu pusat pengajian dalam mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) aktiviti bersama komuniti, malah ia juga berupaya membantu agenda UUM dalam memperkasakan amalan hijau di dalam kampus.

“Garis panduan amalan hijau yang menjadi *output* program SULAM pada semester ini diharapkan dapat menjadi titik permulaan kepada amalan acara hijau bagi jabatan terpilih,” katanya.

Selain melalui SULAM, mana-mana jabatan dalam UUM yang berhasrat untuk mengeluarkan garis panduan acara hijau bagi jabatan masing-masing juga boleh menghubungi Event Management Research Unit (EMRU), STHEM selaku penyedia Latihan Acara Hijau.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.